

**SOALAN NO.: 34**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. DATUK ROZMAN BIN ISLI  
KAWASAN : LABUAN  
TARIKH : 1 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**SOALAN:**

**YB. DATUK ROZMAN BIN ISLI** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa lamakah tempoh diambil bagi menyelesaikan aduan jalan rosak dan berlubang serta sejauh manakah pemantauan dilaksanakan bagi jalan-jalan di bawah selenggaraan Kementerian ke arah 'Sifar Pothole'.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Menteri Kerja Raya telah melancarkan dasar sifar lubang atau 'zero pothole' pada 15 Februari 2016 yang melibatkan keseluruhan Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia. Dasar ini menetapkan supaya lubang jalan ditampal atau diambil tindakan dalam tempoh 24 jam. Terdapat pelbagai medium saluran untuk aduan jalan berlubang dan kerosakan jalan yang boleh digunakan, iaitu melalui Aplikasi Aduan KKR 2.0, media sosial dan juga melalui emel dan telefon.

Pemantauan ke atas jalan-jalan di bawah selenggaraan Kementerian ke arah 'zero pothole' telah dilaksanakan sepanjang masa melalui kerja-kerja rutin di dalam skop R01 – penampalan 'pothole' oleh konsesi penyenggaraan. Bagi aduan jalan rosak dan berlubang yang diterima melalui pelbagai saluran aduan, pemantauan ke atas tindakan yang diambil dalam tempoh 24 jam dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Daerah yang berkenaan. Penampalan terus ke atas aduan 'pothole' dengan menggunakan 'cold mix' dalam tempoh 24 jam adalah merupakan kaedah tampalan sementara bagi tujuan keselamatan pengguna jalan raya. Selepas itu tampalan kekal dengan menggunakan 'hot mix' perlu disiapkan dalam tempoh 3 hari.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2017 dari bulan Januari hingga September, jumlah aduan mengenai kerosakan jalan yang telah diambil tindakan adalah sebanyak 977 bilangan untuk keseluruhan Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia.

Sekian. Terima kasih.